

Pelajar UTHM maut motosikal rempuh pembahagi jalan

KEMAMAN - Seorang pelajar Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) maut selepas motosikal jenis Yamaha FZ 150 yang ditunggangnya terbaba lalu merempuh pembahagi jalan di Kilometer 297.8, Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) berhampiran Kijal di sini kelmarin.

Dalam kejadian pukul 7.10 petang itu, Syahiram Hanis Mohamad (**gambar**), 22, meninggal dunia di lokasi kejadian akibat cedera parah pada kepala dan dada.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendant Mohd. Said Ibrahim berkata, sewaktu kejadian, Syahiram Hanis yang sedang menjalani latihan industri dalam perjalanan pulang ke rumah keluarganya di Felda Seberang Taylor di sini dari sebuah syarikat penapisan minyak di Paka, Dungun.



"Sebaik tiba di lokasi kejadian, motosikal Yamaha FZ 150 yang ditunggang mangsa tiba-tiba hilang kawalan sehingga merempuh pembahagi jalan di tengah lebuh raya tersebut.

"Rempuhan kuat itu menyebabkan mangsa tercampak sejauh beberapa meter dan mengalami kecederaan parah yang menyebabkan kematiannya," kata beliau kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Mohd. Said membekritahu, difahamkan Syahiram Hanis baru menjalani latihan industri di sebuah syarikat sejak kira-kira dua minggu lalu dan berulang-alik dari rumahnya di Felda Seberang Taylor dengan menunggang motosikal itu.

Katanya, mayat pelajar UTHM itu kemudiannya dihantar ke Unit Forensik, Hospital Kemaman di sini untuk dibedah siasat.